

SEMAKAN DERAJAT GARIS PANDUAN PELESENAN PERNIAGAAN

INISIATIF PENAMBAHBAIKAN KETELUSAN PELESENAN

**PIHAK BERKUASA MELESEN: LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(FAMA)**

NAMA GARIS PANDUAN: PENGELUARAN LESEN KELAPA

NAMA PELESENAN: LESEN MEMBELI KELAPA

NO	PERKARA	MAKLUMBALAS
1.	Maklumat tahun/edisi terbitan @ kuatkuasa	Semakan yang dibuat berdasarkan permohonan lesen kelapa di laman web FAMA (http://www.fama.gov.my/lesen-kelapa) melalui icon PERKHIDMATAN FAMA dengan melihat kepada kategori Pengeluaran Lesen mendapati tiada maklumat tentang tahun terbitan, tarikh kuatkuasa penggunaan dan pegawai melulus. Selain itu maklumat pegawai untuk dihubungi jika pemohon memerlukan bantuan juga tidak dinyatakan.
	Objektif pelesenan	Tiada objektif pelesenan dinyatakan.
2	Borang Permohonan	Semakan mendapati pemohon boleh mendapatkan borang permohonan secara manual ataupun memuat turun borang. Namun tiada contoh borang dilampirkan.
3	Keputusan permohonan	Semakan mendapati tiada maklumat berkaitan tempoh memproses permohonan, cara pemberitahuan keputusan permohonan dan juga cara serahan lesen dibuat. PBM disarankan memasukkan maklumat ini untuk memudahkan pemohon membuat permohonan dan mengambil lesen.

4	Caj bayaran yang dikenakan	Walaupun ada caj bayaran dinyatakan, tetapi tiada maklumat mengenai cara pembayaran dibuat. Pemohon perlu diberitahu bentuk bayaran yang diterima oleh pihak FAMA untuk memudahkan urusan in. Contohnya (bayaran tunai / maybank2u ke akaun FAMA / Cek/bank draf atas nama Ketua Pengarah FAMA)
5	Cara alir proses dan piagam pelanggan	Semakan tidak menemukan carta alir untuk memberitahu pemohon tentang proses-proses yang terlibat dalam permohonan lesen ini. Masa memproses juga tidak dinyatakan.
6	Senarai semak	Senarai semak mungkin berguna kepada pemohon untuk memastikan semua dokumen berkaitan disertakan. Selain itu, ia juga membantu pegawai yang memproses memeriksa dan memastikan borang dan dokumen yang dibetul dan lengkap.


Catatan tambahan (jika ada) ;

Pihak konsultan berpendapat maklumat yang dipaparkan dilaman web memudahkan pemohon untuk membuat permohonan. Penggunaan ayatnya ringkas, mudah difahami dan susunan maklumatnya juga jelas. Walau bagaimanapun ianya memerlukan lebih banyak maklumat lagi untuk menjadi garis panduan yang baik. Diharapkan PBM merujuk pada kriteria garis panduan yang diberikan oleh pihak MPC dan menambah maklumat yang diperlukan.

Semakan oleh; MANZALINA BT SULAIMAN

Tarikh; 12/12/2020

Adalah diperakui bahawa barang-barang/perkhidmatan yang dipesan telah dilaksanakan dengan sempurna



Mohamad Azrol Mohamad Dali
Timbalan Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)